




**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN KURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH
PERSENDIRIAN CINA (SMPC)
MALAYSIA
(Versi Percubaan)**



**Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)
Malaysia**

KANDUNGAN

1	Penerangan	4
2	Latar Belakang	5
3	Idea	6
4	Matlamat Kurikulum A. Objektif Umum B. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Rendah(TMR) C. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Tinggi(TMT)	9 9 9 10
5	Literasi Teras	11
6	Struktur Kurikulum A. Rancangan Kurikulum B. Prinsip Reka Bentuk Kurikulum C. Penggubalan Standard Kurikulum Mata Pelajaran D. Struktur Kurikulum TMR E. Struktur Kurikulum TMT	16 16 17 18 19 23
7	Pelaksanaan A. Penggabungjalinan Sistem B. Sokongan Pembelajaran C. Sekolah dan komuniti	34 34 35 36
8	Lampiran A. Pengiktirafan Antarabangsa Kurikulum SMPC B. Pedagogi yang Berpusatkan Pelajar C. Pembahagian Waktu Pengajaran bagi Setiap Mata Pelajaran	37 37 37 38

JADUAL

Jadual 1	Kandungan Literasi Teras dan Imej Pelajar TMR dan TMT	12
Jadual 2	Peruntukan Waktu Pembelajaran TMR	20
Jadual 3	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Umum (Mata Pelajaran Teras)	24
Jadual 4	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Aliran Sains/Aliran Sastera)	24
Jadual 5	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Aliran Sastera)	25
Jadual 6	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Aliran Perdagangan)	25
Jadual 7	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Teknikal)	26
Jadual 8	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Seni dan Bakat (Pendidikan Seni/Pendidikan Muzik/Teknologi Maklumat)	26
Jadual 9	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Seni dan Bakat (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan)	27
Jadual 10	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Amalan Bersepadu	27
Jadual 11	Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Lanjutan dan Tambahan	28
Jadual 12	Pengagihan Jam Kredit TMT Secara Keseluruhan	29

GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah 1	Struktur Literasi Teras	11
Gambar Rajah 2	Hubungan antara konsep dengan Literasi Teras dan Objektif Pendidikan	15
Gambar Rajah 3	Struktur Kurikulum TMR	19
Gambar Rajah 4	Struktur Kurikulum TMT	30

1. Penerangan

Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Sekolah Menengah Persendirian Cina Versi Percubaan (akan disingkatkan dengan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum seterusnya) ini adalah untuk melaksanakan konsep pendidikan yang diusulkan dalam Pelan Induk Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)¹ Malaysia serta memastikan visi dan matlamat pembaharuan pendidikan yang dikemukakan dapat diterapkan dalam pendidikan SMPC. Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum ini merangkumi latar belakang kurikulum, idea, matlamat, literasi teras, struktur kurikulum, pelaksanaan, dan isu-isu penting.

Sebelum Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum ini diumumkan, kajian soal selidik terhadap Draf Garis Panduan ini telah dijalankan selama setahun. Dalam tempoh pelaksanaan kajian ini, Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) telah memperoleh banyak maklum balas daripada pelbagai pihak, termasuklah Jawatankuasa Kerja SMPC, pihak pentadbir sekolah, guru panitia, guru-guru dan juga kumpulan pentadbiran Dong Zong. Maklum balas yang diberikan merangkumi aspek matlamat kurikulum, literasi teras, elemen merentas kurikulum, struktur kurikulum dan sebagainya. Maklum balas ini dianalisis dan diterapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Versi Percubaan ini. Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum ini diklasifikasikan sebagai 'Versi Prauji' memandangkan dokumen ini masih memerlukan pelaksanaan kajian yang lebih lanjut dan pada masa yang sama kefahaman dan kesedaran bagi kumpulan pentadbiran pihak Dong Zong dan sekolah terhadap kandungan dokumen ini masih perlu dipertingkatkan lagi. Selain itu, persiapan yang menyeluruh bagi pelbagai pihak untuk melaksanakan pembaharuan pendidikan juga diperlukan.

Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum ini adalah panduan pelaksanaan pembaharuan kurikulum SMPC yang termasuk standard kurikulum bagi setiap mata pelajaran, penerbitan bahan pembelajaran, latihan guru, penilaian atau pentaksiran, dan lanjutan pelajaran pelajar dalam tempoh tiga tahun yang akan datang, iaitu dari tahun 2020 hingga tahun 2022. Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum ini juga menyediakan kerangka pelaksanaan perubahan kurikulum kepada pihak Dong Zong dan juga pihak SMPC. Dalam tempoh percubaan ini, selain susun atur kurikulum akan dilaksanakan secara berperingkat, mekanisma maklum balas yang telus, keanjalan perubahan polisi dan penyelidikan serta panduan dan kerangka pelaksanaan yang lebih jelas juga diambil berat. Dalam tempoh percubaan ini juga merangkumi persediaan, pengubahan, pendalaman, kerjasama, pengesahan, dan pengukuhan demi pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum secara menyeluruh pada masa depan.

Penerangan Reka Bentuk Kulit:

Pereka: Teo Hur Yaw (Editor Subjek Pendidikan Seni, Bahagian Kurikulum Dong Zong)

Penerangan: Tiga jenis tumbuhan dalam lukisan itu simbolik pelajar SMPC yang mempunyai kepelbagaian ciri dan bakat yang tersendiri. Mereka mempamerkan keunikan masing-masing. Pelbagai jenis tanah di bahagian akar pula simbolik kepelbagaian kandungan kurikulum di SMPC. Setiap tumbuhan bukan sahaja menyerap nutrien yang terdapat di tanah sendiri, malah juga menyerap nutrien yang terdapat di tanah sekitarnya. Keadaan ini melambangkan pelajar SMPC selain mempunyai bakat sendiri, malah juga mempunyai ilmu pengetahuan bagi bidang-bidang lain.

¹ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia.

2. Latar Belakang

Perkembangan kurikulum SMPC boleh rujuk kepada Surat Saranan SMPC yang dikemukakan pada tahun 1973. Empat Misi dan Enam Dasar Pendidikan SMPC yang dicadangkan dalam Surat Saranan SMPC telah menetapkan hala tuju dan dasar pendidikan SMPC. Objektif pendidikan SMPC adalah untuk melahirkan insan yang berguna dan berbakat. Selain mempertahankan pendidikan bahasa ibunda dan budaya Cina, pendidikan SMPC juga mendidik pelajar supaya mahir dalam tiga bahasa (bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa Cina), mampu berintegrasi budaya Timur dan Barat, memberikan sumbangan dalam bidang politik, ekonomi, budaya, pendidikan dan sebagainya. Namun disebabkan oleh cabaran perubahan persekitaran seperti perang dagangan, Revolusi Industri 4.0, perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI), isu pemanasan global dan sebagainya perlu ditangani dengan pelbagai strategi dan cara. Selain itu, sejak kerajaan Malaysia memperkenalkan Standard Kurikulum KSSM pada tahun 2017, perkembangan sekolah antarabangsa, isu-isu seperti permintaan yang tinggi daripada ibu bapa yang berpendidikan tinggi, Generasi Alpha² akan masuk ke alam sekolah menengah pada tahun 2023 dan sebagainya telah membawa cabaran yang besar kepada SMPC. Oleh itu, SMPC perlu menghadapi perubahan era ini demi masa depannya.

Pada tahun 1975, Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia telah mengadakan Peperiksaan Bersama (UEC) yang pertama kali. Pada tahun berikutnya, Jawatankuasa Editor dan Kurikulum Bersama ditubuhkan dan bertanggungjawab untuk merancang dan menggubal kurikulum bersama serta bertanggungjawab untuk menerbitkan buku teks pelbagai mata pelajaran di SMPC. Pada peringkat awal, permintaan utama kurikulum di SMPC adalah menerbitkan buku teks dalam bahasa Cina dan isi kandungannya bersesuaian dengan keperluan nasional serta dapat mengekalkan dan mengembangkan budaya Cina. Buku-buku teks yang diterbitkan itu juga hendak sesuai digunakan di semua SMPC. Atas dasar permintaan tersebut, pada tahun 1976 Jawatankuasa Editor dan Kurikulum Bersama mula mengarang buku teks dan diterbitkan pada tahun 1977. Sehingga kini, sebanyak 152 jenis bahan pembelajaran telah diterbitkan dan sebahagian bahan pembelajaran telah mempunyai edisi yang keempat.

Sejak pelancaran kurikulum bersama dan penerbitan bahan pembelajaran bersama untuk kegunaan di SMPC pada tahun 1976, agenda seperti penggubalan kurikulum SMPC, prinsip penyusunan dan pembaharuan bahan pembelajaran bersama telah dibangkitkan. Perkara yang dibangkit ini termasuklah bahasa pengantar di SMPC, kedudukan tiga bahasa dan kepentingannya, pelaksanaan kurikulum teknik vokasional, penekaan dan pelaksanaan lima aspek (akhlak, minda, fizikal, sosial, dan estetik). Selain itu, seruan untuk pembaharuan pendidikan pertama kali dibangkitkan pada tahun 1991, iaitu semasa Persidangan Pengetua SMPC yang pertama kali. Selepas lapan bulan daripada persidangan tersebut, bengkel merancang kurikulum SMPC Abad ke-21 telah diadakan di Fraser's Hill oleh Jawatankuasa Kurikulum Bersama. Pandangan dan cadangan para peserta bengkel tersebut mengenai kurikulum SMPC, objektif kurikulum peringkat menengah rendah

² Generasi Alpha ialah generasi yang lahir antara tahun 2010 hingga tahun 2024. Mereka hidup berdampingan dengan teknologi digital sejak dilahirkan, Kriteria generasi ini adalah lebih tidak berfokus, lebih berrbakat dalam pelbagai bidang, lebih individual dan lebih senang tersinggung. McCrindle, Mark (2009), *The ABC of XYZ: understanding the global generation*. Australia: UNSW Press.

dan menengah tinggi, aliran pembelajaran, objektif kurikulum dan waktu pembelajaran bagi setiap mata pelajaran dikumpulkan dan dijilidkan dalam buku. Dokumen ini telah membawa kesan yang mendalam dalam merancang dan membangun kurikulum SMPC hingga ke hari ini.

Dalam soal pendidikan SMPC, Jawatankuasa Kerja SMPC telah mengemukakan Kerangka Pembaharuan SMPC pada tahun 2005 dan Pelan Induk Pendidikan SMPC pada tahun 2018 untuk mendorong pembaharuan pendidikan SMPC serta membentuk visi pendidikan SMPC. Dalam soal pengembangan kurikulum, Pelan Induk Pendidikan SMPC mengusulkan konsep ‘kurikulum membimbing pembaharuan pendidikan SMPC’ dan menegaskan isu ‘insan yang bakal dilahirkan dalam pendidikan SMPC’.

Atas dasar cadangan dan pendapat yang dikemukakan, Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum ini telah diterbitkan demi panduan dan rujukan pelaksanaan untuk pengembangan pendidikan SMPC pada masa depan. Bagi visi ‘Guru Berdedikasi’, strategi yang diusulkan adalah pendidikan berinovasi, pengurusan dan pendidikan, dan pembentukan budaya sekolah, pelaksanaan konsep kurikulum membimbing pembaharuan kurikulum, pembaharuan dalam struktur kurikulum, pelaksanaan kurikulum berasaskan sekolah, penyempurnaan kandungan standard kurikulum, dan pembentukan budaya sekolah yang sihat juga ditekankan dalam visi ini. Bagi visi ‘Pelajar Berprestasi Tinggi’, strategi yang diusulkan ialah melahirkan pelajar yang dapat belajar sendiri, komunikasi dan bekerjasama, serta keterlibatan dalam sosial, memupuk pelajar melakukan pembelajaran sepanjang hayat serta berjaya dalam apa-apa bidang dan di mana-mana sahaja demi kesejahteraan diri dan masyarakat.

3. Idea

Tujuan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum ini adalah untuk mencapai visi ‘Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi’ dan melaksanakan objektif yang dibincangkan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC demi pembangunan holistik dan berkeperibadian sendiri setiap pelajar.

A. Guru Berdedikasi

Perkembangan dan pembaharuan kurikulum SMPC telah mencadangkan tiga konsep, iaitu pendidikan berinovasi, pengurusan dan pendidikan serta pembentukan budaya sekolah. Sokongan bahagian pentadbiran sekolah bagi kerja-kerja pembangunan dan pembaharuan kurikulum juga bertujuan mencapai visi Guru Berdedikasi.

i. Pendidikan Berinovasi³

Memaparkan Dong Zong sebagai pembimbing dalam penggubalan kurikulum, walau bagaimanapun setiap SMPC boleh mengikut keadaan sekolah, keunikan komuniti dan ikhtisas guru untuk menawarkan Kurikulum Berasaskan Sekolah (KBS). Pihak sekolah boleh menawarkan kurikulum mengikut kreativiti dan inovasi masing-masing serta merancang peta pembelajaran pelajar yang dapat meningkatkan nilai pelajar. Selain itu, kefahaman kurikulum dan kemampuan guru untuk

³ Menyepadukan isu perkembangan kurikulum yang dikemukakan dalam *Pelan Induk Pendidikan SMPC*, iaitu pembaharuan struktur kurikulum, pelaksanaan kurikulum berasaskan sekolah, dan penyempurnaan kandungan standard kurikulum.

menggunakan bahan pembelajaran harus ditingkatkan supaya guru dapat menguasai objektif pembelajaran, mengorganisasi kandungan pengajaran dan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian pelajar, dan memaparkan gaya dan daya tarikan pengajaran yang sendiri serta berkeseronokan dalam proses pengajaran. Struktur Kurikulum SMPC hendaklah bersesuaian dengan peredaran zaman, menggabungkan perkembangan teknologi, menuju ke arah penggabungan ilmu pengetahuan, dan menyediakan pelbagai pilihan kurikulum serta melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dalam dan luar bilik darjah yang dijalankan untuk menjadikan sekolah sebagai tempat pembelajaran yang menggembirakan dan juga merupakan tempat pelajar mencapai kejayaan.

ii. Pengurusan dan Pendidikan⁴

Memaparkan kurikulum membimbing perkembangan pendidikan SMPC dan menekankan konsep pendidikan dalam pembentukan insan dan cendekiawan. Berpandukan pada visi dan literasi teras SMPC, kurikulum SMPC memberikan penekanan dalam perkembangan insan yang seimbang dan langkah untuk mengkoordinasi dan mengintegrasikan perkembangan setiap mata pelajaran. Selain itu, kepimpinan kurikulum juga harus memberikan tumpuan dalam pelaksanaan dan mempraktikkan etika penyelidikan dan amalan santifik semasa. Kepimpinan kurikulum ini bukan sahaja menonjolkan hubungan antara Jawatankuasa Kurikulum Bersama dengan SMPC, malah konsep pendidikan setiap SMPC juga harus menitikberatkan isu ‘pembentukan insan’ dan mengambil inisiatif untuk memimpin semua guru dan pelajar ke arah merealisasikan dan mempraktikkannya.



Pelukis: Lee Choong Wee (Penolong Editor Subjek Pendidikan Seni dan Reka Bentuk, Bahagian Kurikulum Dong Zong),
Tajuk: Guru Berdedikasi

⁴ Menyepadukan isu perkembangan kurikulum yang dikemukakan dalam *Pelan Induk Pendidikan SMPC*, iaitu pelaksanaan konsep kurikulum membimbing pembaharuan kurikulum.

iii. Pembentukan Budaya Sekolah

Memaparkan pemupukan akhlak yang baik, literasi kemanusiaan dan hubungan sesama manusia. Setiap warga sekolah dapat menghormati diri sendiri dan bertoleransi dengan orang lain. Persekitaran sekolah adalah elemen penting untuk pembentukan kebudayaan masyarakat Cina, kebudayaan pelbagai bangsa dan pendidikan persekitaran. Setiap warga sekolah bukan sahaja menuntut ilmu untuk diri sendiri, malah dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang ada dengan orang lain serta dapat berinteraksi dengan orang secara proaktif, termasuk pengetua dan guru, ibu bapa, rakan, komuniti serta rakan dari media sosial demi manfaat semua pihak.

B. Pelajar Berprestasi Tinggi

Berpandukan kepada semangat mewarisi kebudayaan Cina, memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik secara holistik dan beridentiti, pembangunan dan pembaharuan kurikulum SMPC telah mengemukakan matlamat pendidikan untuk melahirkan insan yang berpembelajaran sepanjang hayat dan disepadukan dengan tiga konsep, iaitu belajar sendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam sosial untuk mencapai visi pelajar berprestasi tinggi.

i. Belajar Kendiri

Memaparkan proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pelajar dapat memanfaatkan pengalaman pembelajaran dan kehidupan demi kebahagiaan diri, dapat menikmati keindahan kehidupan dan bersikap positif dan proaktif. Pelajar juga dapat memanfaatkan peranti teknologi maklumat demi pembelajaran dan mengatasi masalah pembelajaran. Dengan kaedah ini agar pelajar dapat meneroka ilmu dalam bidang yang baharu, mencungkil semangat berinovasi, menyelesaikan masalah dan cabaran kehidupan.

ii. Kerjasama dan Berkomunikasi

Memaparkan komunikasi dan kolaborasi demi diri sendiri, komuniti, dan masyarakat. Dari aspek diri sendiri, pelajar dapat melakukan penyesuaian, bersikap positif dan menghormati orang lain semasa berhadapan dengan pendapat yang tidak sama dengan diri dan dapat menyelesaikan konflik dengan bijaksana. Dari aspek komuniti, pelajar dapat bekerjasama menyelesaikan tugas berkelompok dan berkemampuan memimpin. Dari aspek masyarakat, pelajar dapat mewarisi inti pati kebudayaan Cina melalui penguasaan bahasa ibunda, mempunyai semangat cinta akan negara serta menguasai bahasa Inggeris untuk kegunaan di peringkat antarabangsa. Ringkasnya, pelajar dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik malah berkomunikasi dengan berkesan dalam pelbagai situasi.

iii. Keterlibatan dalam Sosial

Memaparkan kefahaman dan kesedaran pelajar dalam sikap peribadi, kesedaran sivik, dan pembangunan lestari. Pelajar dapat mengurus sikap diri sendiri dengan baik, sedar akan meningkatkan kemampuan dan kualiti diri adalah tanggungjawab sebagai ahli masyarakat, sentiasa berusaha

memperbaiki perwatakan dan sikap yang ada, menghormati dan berempati situasi orang serta bangga sebagai rakyat Malaysia, di samping itu mengambil bahagian dalam pembangunan masyarakat dan negara demi kemakmuran negara. Dalam menghadapi budaya dan tradisi yang berlainan dengannya, pelajar dapat mempelajari kelebihan orang lain dan bersikap tolak ansur. Pelajar juga dapat mengambil berat tentang isu persekitaran, ekonomi dan sosial, mengamalkan kehidupan yang memberikan kebaikan kepada persekitaran, diri sendiri dan orang lain, mempraktikkan konsep pembangunan lestari dan menghargai sumber bumi.

4. Matlamat Kurikulum

A. Objektif Umum

Pendidikan SMPC adalah satu usaha yang berkesinambungan iaitu selain mewarisi kebudayaan Cina, ia juga memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik secara holistik dan beridentiti sendiri. Usaha ini adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat menjalankan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai sendiri, berani menerokai, berinovasi, berani menyahut cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, mereka juga mampu melahirkan kebahagiaan dalam hidup dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan⁵.

B. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Rendah (TMR)

- i. Membina pelajar mencapai pembangunan secara holistik dan beridentiti sendiri dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik.
- ii. Memupuk pelajar berkemampuan untuk belajar, membaca, dan menaakul supaya mempunyai kelengkapan untuk pembelajaran sendiri.
- iii. Memastikan pelajar mencapai tahap asas dari segi kognitif, psikomotor, dan afektif serta mencungkil potensi pelajar untuk mengejar prestasi yang cemerlang.
- iv. Membina pelajar untuk bersikap positif dan proaktif dalam menghadapi kehidupan.
- v. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat mengenali dan memahami bahasa, budaya, dan agama pelbagai kaum di Malaysia serta membimbing pelajar menghormati kepelbagaian budaya, beridentiti kenegaraan, dan berperspektif global.

⁵ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 49.

C. Objektif Pendidikan Tingkatan Menengah Tinggi (TMT)

- i. Membangunkan pelajar mengikut kesesuaian peribadi dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik supaya membuat persiapan menceburi dalam bidang kerjaya dan keusahawanan, pembelajaran dan kehidupan pada masa hadapan.
- ii. Membangunkan pelajar dalam pengukuhan pembelajaran sendiri serta memupuk keinginan mencari ilmu, berkemahiran berfikir, berkemampuan mengkritik, kreatif dan berinovasi.
- iii. Memupuk semangat pelajar untuk mengejar kecemerlangan dan altruistik, demi mencapai kesejahteraan diri sendiri, masyarakat, negara serta insan sedunia.
- iv. Membimbing pelajar supaya lebih mengenali diri sendiri, serta berkeyakinan menghadapi masa hadapan dan berkemampuan menangani perubahan masyarakat dan pengalihan era.
- v. Memupuk pelajar supaya berkomitmen terhadap keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara, dapat menghormati kepelbagaian budaya serta berperspektif global.
- vi. Mengadakan ruang kepada pelajar untuk menyertai kegiatan pelbagai budaya, supaya pelajar dapat belajar dan berkomunikasi dalam masyarakat majmuk yang berlainan budaya.

5. Literasi Teras

Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum digubal berasaskan sembilan literasi teras, iaitu enam literasi teras⁶ yang disarankan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC dan digabungkan lagi tiga literasi untuk tujuan pembangunan kurikulum. Literasi ini menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, kemampuan nilai dan sikap. Kandungan literasi teras ini akan dihuraikan di bahagian rancangan kurikulum TMR dan TMT.



Gambar Rajah 1: Struktur Literasi Teras

Rajah 1 memaparkan matlamat kurikulum SMPC yang melahirkan insan pembelajaran sepanjang hayat. Matlamat ini disepadukan dengan tiga konsep, iaitu belajar sendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam sosial. Setiap konsep merangkumi tiga tunjang, kandungan setiap tunjang diterangkan di Jadual 1.

⁶ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 40-41.


Jadual 1: Kandungan Literasi Teras dan Imej Pelajar TMR dan TMT

Idea	Literasi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Imej Pelajar
A. Belajar Kendiri	A1. Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika	Berkemampuan menjaga kesihatan fizikal dan mental serta perkembangan yang seimbang, dapat menghayati keindahan kehidupan, mengapikasi pengalaman pembelajaran dan kehidupan untuk penyesuaian dalam setiap peringkat kehidupan yang dikejeri demi kesihatan fizikal dan mental, bersikap positif dan proaktif demi kebahagiaan dalam kehidupan.	Mempunyai kesedaran perkembangan fizikal dan mental yang sihat, penghayatan nilai positif termasuk keindahan dan harga diri untuk berkongsi pengalaman kehidupan, menghayati keindahan hidup dan makna hidup.	Mempertingkatkan perkembangan fizikal dan mental, menghayati keindahan dan kesucian manusia dan persekitaran, berkeyakinan dengan harga diri, memahami hala tuju kehidupan, menikmati kehidupan, sentiasa meningkatkan kemajuan sendiri untuk melahirkan kebahagiaan dalam kehidupan.	Individu yang Sayang kepada Diri Sendiri
	A2. Penggunaan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi	Berkemahiran membaca, menulis, mengira serta kemahiran hidup, menguasai mata pelajaran teras seperti bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, dan Sejarah, mempelajari dan memahami pengetahuan bidang lain, memanfaatkan teknologi maklumat untuk menjalankan komunikasi dan berinteraksi supaya mendapat manfaat secara keseluruhan, serta mengaplikasikannya dalam pembelajaran demi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengatasi rintangan yang dihadapi.	Mempunyai ilmu pengetahuan dan mengenali pelbagai jenis simbol komunikasi, serta dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat, menyelesaikan masalah kehidupan dan berinteraksi.	Berkemampuan mengaplikasikan penggunaan simbol komunikasi dan teknologi maklumat serta dapat menguasai ilmu pengetahuan sesuatu bidang secara mendalam dan dapat kongsi pengalaman dan pendapat serta memanfaatkan kreativiti untuk menyelesaikan masalah.	Individu yang Berpengetahuan
	A3. Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah	Berkemahiran menerokai, mengkritik dan menaakul, serta berinovasi, menguasai kemahiran pembelajaran sendiri untuk menangani masalah dalam kehidupan harian serta membuat keputusan yang sewajarnya dalam perubahan masyarakat sosial.	Mempunyai kemahiran aras tinggi seperti pembelajaran sendiri, menerokai, mengkritik dan menaakul serta berinovasi dalam penggunaan strategi yang sesuai untuk mengatasi urusan harian dan isu kehidupan.	Mempunyai kemahiran aras tinggi untuk menerokai, mengkritik, menaakul serta berinovasi dengan lebih mendalam untuk memupuk pembelajaran sendiri, pada masa yang sama dapat menerokai bidang lain, dan dapat menyelesaikan masalah harian dan cabaran kehidupan.	Individu yang Berkemampuan dalam Penyelesaian Masalah

Idea	Literasi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Imej Pelajar
B. Berkomunikasi dan Bekerjasama	B1. Sikap Proaktif dan Nilai Positif	Mempunyai nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dan rintangan kehidupan harian dan pembelajaran, sedar akan kepentingan tanggungjawab sosial, berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi perderitaan atau rintangan, dapat menerima perbezaan dan dapat menangani konflik.	Menerokai nilai diri sendiri dan nilai persekitarannya, mengamati perbezaan antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menerima perbezaan antara diri sendiri dengan orang lain, memupuk nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif.	Mempunyai nilai hormat-menghormati, kasih sayang dan menghargai perbezaan sikap dan fikiran antara diri dengan orang lain, menerokai antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menangani konflik dan mengamalkan nilai dan bersikap positif berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi perderitaan dan rintangan.	Individu yang Mempunyai Kasih Sayang
	B2. Kepimpinan dan Berpasukan	Mempunyai daya kepimpinan, dapat bekerjasama dengan berkesan dan membina hubungan dan interaksi yang baik dengan orang, berkemampuan berkomunikasi dan koordinasi, menyertai aktiviti sosial dan perkhidmatan serta kerjasama berpasukan.	Berkemampuan mengurus sendiri dan mempunyai tabiat yang baik, suka tolong-menolong, menjalinkan hubungan yang baik, dapat menjalankan tugas melalui kerja berpasukan.	Bersikap empati, berkemampuan menilai dan bersosial, serta meningkatkan kemampuan berkomunikasi dan koordinasi serta kerjasama berpasukan, dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan baik, mempunyai rancangan dan kaedah untuk menjalankan tugas.	Individu yang Dapat Kerja Berpasukan
	B3. Literasi Bahasa dan Berkomunikasi	Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, memupuk semangat kenegaraan melalui penguasaan bahasa Melayu, menguasai bahasa Inggeris untuk kegunaan peringkat antarabangsa, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa serta dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik di pelbagai situasi demi mewujudkan komunikasi yang berkesan.	Mengenali budaya bahasa, adat resam, dan agama, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, dapat berkawan dengan bangsa lain dengan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mempertingkatkan kemahiran bertutur, membaca dan menulis, sedar akan kepentingan peranan bahasa untuk mewarisi sesuatu budaya dan untuk berkomunikasi.	Menguasai dan menghayati keindahan bahasa Cina, melalui penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengenali budaya, adat resam, agama yang terdapat di dalam dan di luar negara, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa asing demi kegunaan dalam pembelajaran dan kerjaya pada masa depan.	Individu yang Berkemampuan Komunikasi

Idea	Literasi Teras	Keterangan	TMR	TMT	Imej Pelajar
C. Keterlibatan dalam Sosial	C1. Nilai Sikap dan Kemanusiaan	Berakhlak mulia, akauntabiliti, sedar akan tindakan meningkatkan status sendiri adalah tanggungjawab terhadap masyarakat, sentiasa menyempurnakan karakter sendiri melalui pembelajaran, bersikap terbuka, dan menghormati orang untuk kebebasan bersuara.	Berakhlak mulia, akauntabiliti, bersikap positif untuk melaksanakan perubahan, bersikap terbuka untuk berbincang dan menerima pandangan orang lain, menghormati keputusan seseorang.	Mengambil berat tentang isu-isu semasa, berdisiplin, peramah, bertoleransi dan mengambil berat terhadap masyarakat, memantau isu-isu semasa daripada pelbagai sudut.	Individu yang Bersikap Terbuka
	C2. Identiti Kebangsaan dan Kepelbagaian Budaya	Beridentiti budaya masyarakat sendiri, memahami dan menghormati budaya masyarakat bangsa lain, berintegrasi, mengetahui sejarah negara, menerima kepelbagai budaya dalam negara, bangga sebagai rakyat Malaysia, mempunyai tanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan negara.	Memahami budaya sendiri, memahami dan menerima budaya masyarakat bangsa lain, menghormati perbezaan, mengambil berat isu hal negara, aktif dalam pembentukan masyarakat dan perkhidmatan.	Beridentiti budaya masyarakat sendiri, menghormati dan menghayati perbezaan antara pelbagai budaya, mempunyai tanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan negara, aktif dalam pembentukan masyarakat dan negara demi kebahagiaan manusia.	Individu yang Bersemangat Patriotik
	C3. Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan	Mengambil berat isu global dan keadaan antarabangsa, serta isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan manusia masa depan, berkonsep pembangunan lestari dan menghargai sumber bumi.	Mengenali isu global dan keadaan antarabangsa, dapat meluahkan pendapat terhadap isu-isu alam sekitar, ekonomi dan sosial, mengamalkan kehidupan yang dapat menjaga alam sekitar dan menghargai sumber bumi, mengambil berat isu alam sekitar dan isu masyarakat.	Berkemampuan memberikan pendapat mengenai isu-isu global dan keadaan antarabangsa, dapat berdebat tentang isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan manusia masa depan, menyertai kempen melindungi persekitaran dan aktiviti menegakkan keadilan sosial.	Individu yang Berkonsep Pembangunan Lestari

Gambar Rajah 2: Hubungan antara Konsep dengan Literasi Teras dan Objektif Pendidikan



6. Struktur Kurikulum

Penerangan lanjutan struktur kurikulum yang dikemukakan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC⁷ termasuk dasar rancangan kurikulum, prinsip, garis panduan penggubalan standard kurikulum, kategori kurikulum TMT dan sebagainya.

A. Rancangan Kurikulum

i. Kurikulum Baharu SMPC Meningkatkan Keupayaan Daya Saing Global Pelajar

Hal Ini termasuk menitikberatkan pembelajaran tiga bahasa, iaitu bahasa Cina, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Cina pelajar adalah setanding dengan standard di China, Taiwan, Hong Kong, dan Macau. Pelajar sentiasa meningkatkan kemahiran pembelajaran dan berkeupayaan menangani tekanan hidup melalui budaya pembelajaran sekolah yang sihat dan berlatar belakang pelbagai budaya. Selain itu, ilmu pengetahuan asas dalam bidang akademik adalah kukuh dan meningkatkan kemahiran kepimpinan, komunikasi, penyelesaian masalah, kolaborasi serta kemahiran-kemahiran abad ke-21 semasa dalam kelas kokurikulum.

ii. Kurikulum Baharu SMPC Meningkatkan Kecekapan Pelajar

Hal ini termasuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam tiga bahasa. Peningkatan interaksi dan kefahaman budaya antara pelajar bangsa Cina dengan pelajar bangsa lain. Sekolah boleh memanfaatkan keadaan komuniti dan interaksi antara sekolah supaya membantu pelajar memahami budaya pelbagai bangsa. Khidmat masyarakat juga dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap komuniti dan kesedaran sivik mereka. Selain mengetahui negara dan komuniti diri sendiri, pelajar juga diberi peluang untuk memperluas skop pandangan global. Kurikulum baharu menitikberatkan pembelajaran sendiri dan pembelajaran berasaskan inkuiri demi memupuk kemahiran berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif

iii. Kurikulum Baharu SMPC Berasaskan Ciri-ciri Kurikulum Sedia Ada

Sejak dulu lagi SMPC menawarkan kurikulum yang sesuai dengan keperluan sekolah, pelajar, universiti dan juga memenuhi kehendak pasaran. Dengan ini, SMPC boleh meningkatkan kualiti kurikulum yang sedia ada supaya lebih memenuhi kehendak universiti dan bidang kerjaya. Tambahan lagi, keunikan pengurusan sekolah dan kedudukan geografi yang berbeza telah mendatangkan kelebihan kepada setiap SMPC untuk menawarkan kurikulum yang tersendiri demi memperkaya kurikulum SMPC.

iv. Kurikulum Baharu SMPC Memberikan Cara Penyelesaian Masalah Pembangunan Kurikulum Sedia Ada

Sistem sekolah akan menentukan kualiti kurikulum SMPC. Konsep kurikulum membimbing perkembangan pendidikan SMPC akan memperkaya kurikulum setiap mata pelajaran dan mendorong kerjasama merentas mata pelajaran serta mendidik pelajar yang berbakat dalam pelbagai bidang. Keanjalan peruntukan waktu pembelajaran untuk kurikulum bersama dan kurikulum berasaskan sekolah demi meningkatkan kesedaran dan kemampuan

⁷ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 55-69.

sekolah supaya mengambil bahagian dalam perkembangan kurikulum. Objektif ‘Kurikulum Membimbing Perkembangan Pendidikan’ tercapai sekiranya berlakunya kesedaran terhadap maksud kurikulum dan cara penilaian. Dokumen Standard Kurikulum juga akan merupakan satu-satunya dokumen rujukan dalam soal pendidikan sekiranya kesedaran itu dicapai.

v. Kurikulum Baharu SMPC Menitiberatkan Pilihan Kurikulum di TMT

Bersesuaian dengan kandungan kurikulum TMT yang dikemukakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan SMPC, iaitu mengeksplotasi kurikulum semasa di TMT 1; menentukan aliran semasa di TMT 2, dan memperdalam dan memperluas kurikulum semasa di TMT 3 (Pelan Induk Pendidikan, 2018: 66) sistem kredit diperkenalkan di TMT demi keanjalan struktur kurikulum dan mewujudkan pilihan kurikulum bagi pelajar supaya mencapai visi Pelajar Berprestasi Tinggi. Bimbingan dan kauceling akademik dan kehidupan adalah sangat penting demi membantu pelajar memahami keperibadian mereka dan menentukan hala tuju mereka.

B. Prinsip Reka Bentuk Kurikulum

Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum mengemukakan lima prinsip sebagai panduan dan rujukan semasa pelaksanaan perkembangan kurikulum:

i. Misi SMPC

Perkembangan kurikulum hendaklah selaras dengan empat misi dan enam prinsip pendidikan yang dikemukakan dalam Surat Saranan SMPC, 1973.

ii. Berorientasi Literasi

Perkembangan kurikulum hendaklah menerapkan sembilan literasi teras yang dikemukakan, iaitu Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika, Penggunaan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi, Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah, Sikap Gigih dan Nilai Positif, Kepimpinan dan Berpasukan, Literasi Bahasa dan Berkomunikasi, Nilai Sikap dan Kemanusiaan, Identiti Kebangsaan dan Kepelbagaian Budaya, Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan.

iii. Kesenambungan dan Integrasi

Perkembangan kurikulum hendaklah mengambil berat hubungan kandungan pembelajaran antara mata pelajaran dan hubungan kandungan pembelajaran antara tingkatan. Hubungan kandungan pembelajaran antara mata pelajaran menekankan perkembangan pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetik secara seimbang, hubungan antara pembelajaran dengan kehidupan, integrasi dan kesinambungan kandungan pembelajaran antara mata pelajaran. Bagi hubungan kandungan pembelajaran antara tingkatan seharusnya menekankan kesinambungan kandungan pembelajaran sesama mata pelajaran, dan kandungan pembelajaran hendaklah sesuai dengan perkembangan rohani pelajar serta mengelakkan pertindihan.

iv. Kepelbagaian

Perkembangan kurikulum membolehkan pelajar memilih kurikulum. Pembentukan kurikulum bersama dan kurikulum berasaskan sekolah, pemilihan mata pelajaran teras dan elektif, menawarkan kurikulum lanjutan dan tambahan, bentuk penilaian yang bervariasi dan sebagainya membolehkan pelajar berkembang dengan identiti yang tersendiri.

v. Bekerjasama

Perkembangan kurikulum hendaklah mempertimbangkan perkembangan pelbagai aspek, termasuk latihan guru, penilaian, bimbingan dan kauceling akademik dan kehidupan pelajar. Pihak sekolah boleh memperkembangkan kurikulum sekolah berdasarkan keunikan saiz sekolah dan menggabungkan sumber dalaman dan luaran sekolah.

C. Penggubalan Standard Kurikulum Mata Pelajaran

Perkara berikut harus diperhatikan semasa menggubal standard kurikulum setiap mata pelajaran:

1. Objektif kurikulum harus menepati objektif pendidikan Tingkatan Menengah Rendah (TMR) atau objektif pendidikan Tingkatan Menengah Tinggi (TMT) yang dikemukakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum.
2. Literasi teras setiap mata pelajaran hendaklah selaras dengan sembilan literasi teras yang dikemukakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum dan sesuai dengan ciri-ciri mata pelajaran masing-masing.
3. Isi kandungan kurikulum setiap mata pelajaran hendaklah sesuai dengan peruntukan masa yang dikemukakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum dan mempertimbangkan keadaan sebenar proses pembelajaran (masa, ruang) serta hubungan kandungan pembelajaran antara mata pelajaran untuk mengelakkan pertindihan dan bebanan terhadap pelajar.
4. Kandungan pembelajaran mata pelajaran hendaklah dikategorikan berdasarkan kandungan pembelajaran teras, pilihan, dan rujukan supaya memenuhi objektif pengajaran yang sesuai dengan identiti pelajar yang berlainan. Kandungan pembelajaran teras dicadangkan meliputi 70% dalam sukatan peperiksaan bersama. Kandungan pembelajaran pilihan boleh dikemukakan sebagai soalan pilihan dalam peperiksaan bersama. Pihak sekolah boleh mengikut keadaan sekolah memilih kandungan pembelajaran pilihan. Kandungan pembelajaran rujukan boleh dijadikan sebagai bacaan tambahan untuk memperluas ilmu pengetahuan dalam akademik dan kehidupan serta tajuk-tajuk yang merentas mata pelajaran.
5. Kandungan dan kemahiran yang dapat dipraktikkan dalam kehidupan juga hendak dipertimbangkan.
6. Kaedah pengajaran hendaklah menarik dan sesuai, kandungan pembelajaran yang bervariasi dapat merangsang pelajar mengambil bahagian dalam proses pembelajaran supaya objektif pembelajaran berpusatkan pelajar dapat dicapai.
7. Kaedah pengajaran hendaklah berkesan, merangkumi soalan beraras tinggi dan menjalankan aktiviti pembelajaran yang menarik, mempertingkatkan kemahiran belajar sendiri melalui kaedah membaca, mengumpul dan menyusun semula sumber dan maklumat serta kemahiran-kemahiran lain yang sesuai.

8. Standard Pembelajaran (*Learning Standard*), pencapaian, dan Standard Prestasi (*Performance Standard*) pelajar hendaklah disenaraikan dengan jelas semasa penilaian prestasi dijalankan supaya guru boleh melakukan pengubahsuaian pengajaran untuk meningkatkan prestasi pelajar yang sesuai dengan tujuan Penilaian untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*), Penilaian sebagai Pembelajaran (*Assessment as Learning*), dan Penilaian demi Pembelajaran (*Assessment for Learning*) yang boleh dilakukan dalam penilaian formatif atau penilaian sumatif.

D. Struktur Kurikulum TMR

Berdasarkan cadangan yang dikemukakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan SMPC⁸ dan keperluan perkembangan kurikulum TMR secara komprehensif, Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum mencadangkan struktur kurikulum seperti berikut:



Gambar Rajah 3: Struktur Kurikulum TMR

⁸ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 61.

Jadual 2: Peruntukan Waktu Pembelajaran TMR

Kategori	Bidang Pembelajaran	Mata Pelajaran	Waktu Pembelajaran TMR 1		Waktu Pembelajaran TMR 2		Waktu Pembelajaran TMR 3		Jumlah Pembelajaran dalam Satu Minggu
Kurikulum Dong Zong (teras)	Bahasa	Bahasa Cina	5	15	5	15	5	15	3 jam 20 minit
		Bahasa Melayu	5		5		5		3 jam 20 minit
		Bahasa Inggeris	5		5		5		3 jam 20 minit
Kurikulum Dong Zong (teras)	Matematik	Matematik	6	6	6	6	6	6	4 jam
Kurikulum Dong Zong (teras)	Sains	Sains	5-6	5-6	5-6	5-6	5-6	5-6	3 jam 20 minit - 4 jam
Kurikulum Dong Zong (teras)	Sains Sosial	Sains Sosial	5-6	5-6	5-6	5-6	5-6	5-6	3 jam 20 minit - 4 jam
Kurikulum Dong Zong (teras)	Seni	Pendidikan Seni	2	3-4	2	3-4	2	3-4	1 jam 20 minit
Kurikulum Dong Zong (teras)		Pendidikan Muzik	1		1		1		40 minit
Kurikulum Dong Zong (elektif)		Pendidikan Seni Persembahan dan Kehidupan	1		1		1		40 minit
Kurikulum Dong Zong (teras)	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	2	2	2		2	2	1 jam 20 minit - 2 jam
Kurikulum Dong Zong (teras)	Teknologi Maklumat dan Kehidupan	Teknologi Maklumat dan Kehidupan	2-3	2-3	2-3	2-3	2-3	2-3	1 jam 20 minit - 2 jam
Kurikulum Dong Zong (teras)	Amalan Bersepadu	Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Inkuiri/Amalan dan Perkhidmatan Masyarakat	1	5	1	5	1	5	40 minit
Kurikulum Berasaskan Sekolah (teras/elektif wajib)		Kokurikulum	2		2		2		1 jam 20 minit
		Kurikulum Berasaskan Sekolah	1		1		1		40 minit
Pendidikan Sekolah		Mesyuarat kelas/Perhimpunan Mingguan	1		1		1		40 minit
Jumlah			43-47						28 jam 40 minit - 31 jam 20 minit

Penerangan Struktur Kurikulum TMR:

1. Pembelajaran berbentuk bidang⁹:

- a. Bahasa: Bahasa Cina ialah bahasa pengantar yang utama untuk pelajar SMPC memahami, berfikir dan meluaskan fikiran, berkomunikasi dan menyampaikan buah fikiran, meningkatkan nilai dalaman dan nilai kehidupan. Penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dapat meningkatkan kemahiran pelajar menerima dan menganalisis maklumat daripada bahasa tersebut, memperkaya pemikiran dan imaginasi, dan lebih berkeyakinan serta berani semasa menyampaikan buah fikiran. Pelajar juga dapat mengenali budaya, tradisi, latar belakang dan agama melalui bahasa tersebut demi mewujudnya nilai toleransi antara kaum.

- b. Matematik: Pelajar dapat menguasai asas dan kemahiran Matematik demi persiapan untuk tingkatan menengah tinggi. Pelajar boleh menguasai cara mengaplikasi kemahiran Matematik dan nilainya serta berkemampuan menggunakan kemahiran Matematik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Melalui kaedah yang dipelajari dalam Matematik memupuk pelajar bersikap saintifik, berfikir secara objektif, bersikap ingin tahu, berkemampuan membuat inferens dan sebagainya. Pelajar memanfaatkan teknologi maklumat untuk menjalankan aktiviti berasaskan inkuiri untuk mengembangkan sifat kreativiti dan inovasi.

- c. Sains Semula Jadi: Pelajar dapat mengetahui ilmu pengetahuan saintifik yang berkait rapat dengan persekitarannya dan menggunakannya dalam kehidupan harian serta memupuk sikap saintifik. Pelajar dapat memahami proses dan metodologi penyelidikan saintifik dan menjalankan aktiviti saintifik berasaskan inkuiri serta semakin berupaya menguasai kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah dari aspek saintifik. Sentiasa bersikap ingin menerokai pengetahuan baharu terhadap persekitarannya, bersikap kreatif dan inovatif serta bersikap terbuka terhadap bukti-bukti saintifik.

- d. Sains Sosial: Mengutamakan pembentukan nilai manusia, melalui pengenalan terhadap diri sendiri, pelajar dapat memahami hubungan antara dirinya dengan masyarakat, budaya, ekonomi, dan politik dengan lebih lanjut serta memahami perubahan persekitaran akan membawa pengaruh dalam kehidupannya. Pelajar dilatih untuk memerhati, menganalisis, dan menyimpulkan isu-isu masyarakat melalui kaedah penyelidikan sains sosial, berani mengkritik serta dapat mengemukakan cadangan yang berguna. Melalui pembelajaran bidang ini, pelajar dapat menerima diri sendiri, menghormati orang lain, bersikap cinta akan negara, dan berani melakukan perubahan serta menghormati kepada tradisi.

⁹ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 60.

- e. Seni: Menekankan pembentukan rohani dan jasmani pelajar yang seimbang, meningkatkan nilai estetik pelajar, mengamalkan sikap proaktif dalam kehidupan, dan berestetika serta berinovasi.
- f. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan: Meningkatkan kognisi pelajar mengenai latihan fizikal dan penjagaan kesihatan. Membantu pelajar untuk berkelakuan sihat, membentuk tabiat yang sihat dan meningkatkan tahap kecergasan fizikal melalui aktiviti pendidikan yang bersistematik, berpengetahuan dalam menjaga kesihatan dan mengelakkan penyakit serta kecederaan.
- g. Teknologi Maklumat dan Kehidupan: Meningkatkan kognisi pelajar mengenai perkembangan teknologi dan hubungan teknologi dengan pelbagai bidang serta cara-cara memanfaatkan teknologi untuk menyempurnakan kehidupan manusia. Pelajar dapat menguasai teori dan pengoperasian teknologi moden (contoh, pengaturcaraan, komputeran, robot, pencetak 3D dan telefon bimbit). Pelajar dapat menggunakan teknologi ini untuk menyelesaikan masalah harian sehingga dapat meningkatkan kualiti hidup. Pembelajaran ini juga memupuk perkembangan literasi teknologi maklumat serta menggunakan teknologi untuk meningkatkan kebahagiaan dan keseimbangan dalam kehidupan.
- h. Amalan Bersepadu: Meningkatkan ilmu pengetahuan melalui mengaplikasikan kurikulum merentas mata pelajaran atau bidang, pelajar dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi seperti masalah pembelajaran, masalah hubungan interpersonal, masalah kehidupan dan aktiviti berkumpulan melalui kemahiran kajian dan amalan bersepadu yang dipelajari. Kemahiran memimpin, berkomunikasi, daya ketahanan pelajar dilatih dan meningkatkan sikap tanggungjawab dan keberanian serta bersikap terbuka menghadapi kritikan mereka.

2. Reka Bentuk Kurikulum

- a. Sistem dan waktu pembelajaran: Tempoh persekolahan ditetapkan dalam tiga tahun. Terdapat 52 minggu bagi setiap tahun persekolahan. Tempoh pembelajaran ialah 40 minggu setiap tahun, iaitu 20 minggu pada setiap semester. Setiap waktu pembelajaran ialah 40 minit.
- b. Waktu pembelajaran untuk seminggu: Disyorkan tidak melebihi 45 waktu seminggu, setiap waktu 40 minit dan tidak melebihi 9 waktu sehari (tidak melebihi 6 jam waktu pembelajaran, tidak termasuk waktu rehat) demi melaksanakan sistem persekolahan 5 hari untuk seminggu.
- c. Kurikulum Dong Zong (teras): Kurikulum digubal oleh Dong Zong dan merupakan kurikulum yang wajib dipelajari.
- d. Kurikulum Berasaskan Sekolah (teras): Kurikulum digubal oleh SMPC masing-masing dan merupakan kurikulum yang wajib dipelajari.
- e. Kurikulum Berasaskan Sekolah (elektif dan wajib): Kurikulum digubal oleh SMPC masing-masing, dipilih oleh pelajar mengikut minat mereka, waktu pembelajaran adalah ditetapkan oleh pihak sekolah.

3. Penilaian Kurikulum

- a. Peperiksaan Bersama SMPC (UEC): Selain bidang Matematik menjalankan peperiksaan bersama sepenuhnya, bidang bahasa, bidang sains semula jadi, dan bidang sains sosial menjalankan penilaian berasaskan sekolah dan peperiksaan bersama dengan serentak mengikut peratusan yang ditetapkan (peratusan penilaian berasaskan sekolah tidak melebihi 30 peratus¹⁰) untuk menilai tahap pencapaian pelajar.
- b. Penilaian Berasaskan Sekolah: Bidang Seni, Teknologi Maklumat dan Kehidupan, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, dan Amalan Bersepadu menjalankan penilaian berasaskan sekolah.

E. Struktur Kurikulum TMT

Berdasarkan cadangan yang dikemukakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan SMPC¹¹ dan keperluan perkembangan kurikulum TMT secara komprehensif, Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum mencadangkan struktur kurikulum seperti berikut:

¹⁰ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 119.

¹¹ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 68

Jadual 3: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Umum (Mata Pelajaran Teras)

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	
Kurikulum Dong Zong (teras)	Pengetahuan Umum (Mata Pelajaran Teras) ¹²	Bahasa Cina	10		10		6		26
		Bahasa Melayu	10		10		6		26
		Bahasa Inggeris	10		10		6		26
		Matematik (Sastera/Perdagangan/ Teknik)	10		10		10		30
		Matematik Tambahan (Sains)	14		14		10		38
		Pengajian Am	4		4		4		12

Catatan: Mata Pelajaran Pengetahuan Umum untuk semua aliran pelajar: 120-128 jam kredit.

Jadual 4: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Aliran Sains/Aliran Sastera)

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	
Kurikulum Dong Zong (elektif)	Pengetahuan Khusus (Aliran Sains) ¹³	Fizik	4		44-66				56-78
		Biologi	4		(pilih dua mata pelajaran: menengah tinggi dua 10 jam kredit, menengah tinggi tiga 12 jam kredit)				
		Kimia	4						
	Pengetahuan Khusus (mata pelajaran teras bagi Aliran Sastera/ Aliran Perdagangan)	Sains	4		4		4		12

Catatan: 1. Mata pelajaran pengetahuan khusus bagi aliran sains ialah 56 jam kredit, pelajar TMT satu wajib mengambil Fizik, Biologi, dan Kimia, semasa TMT dua dan TMT tiga boleh memilih dua mata pelajaran daripada mata pelajaran tersebut.

2. Pelajar aliran sastera dan aliran perdagangan wajib mengambil 12 jam kredit bagi mata pelajaran Sains.

¹² Menerapkan penggunaan bahasa, pemikiran logik dan kesedaran sivik serta tujuan-tujuan untuk meningkatkan penguasaan dan pembelajaran pelajar.

¹³ Membantu pelajar berkembang mengikut bakat dan minat masing-masing serta bersedia untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dan kerjaya serta memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas.

Jadual 5: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Aliran Sastera)

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	
Kurikulum Dong Zong (elektif)	Pengetahuan Khusus (Aliran Sastera)	Sejarah	4*		6-8		6-8		16-20
		Geografi	4*		6-8		6-8		16-20

Catatan: 1. Pelajar aliran sastera wajib mengambil 16 jam kredit bagi mata pelajaran kategori pengetahuan khusus ini.

2. Mata pelajaran 4* jam kredit ini boleh dijadikan sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar bukan aliran sastera.

Jadual 6: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Aliran Perdagangan)

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Pertama	
Kurikulum Dong Zong (elektif)	Pengetahuan Khusus (Aliran Perdagangan)	Perniagaan	4*		6		6		16
		Perakaunan	6*		10		10		26
		Ekonomi	4*		6		6		16

Catatan: 1. Pelajar aliran perdagangan wajib mengambil 32 jam kredit bagi mata pelajaran kategori pengetahuan khusus ini.

2. Mata pelajaran 4* jam kredit (Perniagaan dan Ekonomi) dan 6* jam kredit (Perakaunan) ini boleh dijadikan sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar TMT dua.

Jadual 7: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Pengetahuan Khusus (Teknikal)

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Pertama	
Kurikulum Dong Zong (elektif)	Pengetahuan Khusus (Aliran Teknikal)	Elektrik dan Elektronik 1 ¹⁴	6*		10		10		26
		Elektrik dan Elektronik 2	6*		10		10		26
		Mekanikal Kereta 1	6*		10		10		26
		Mekanikal Kereta 2	6*		10		10		26
		Pendidikan Seni dan Reka Bentuk Grafik 1	6*		10		10		26
		Pendidikan Seni dan Reka Bentuk Grafik 2	6*		10		10		26
		Pengurusan Makanan dan Minuman 1	6*		10		10		26
		Pengurusan Makanan dan Minuman 2	6*		10		10		26

Catatan: 1. Pelajar aliran teknikal wajib mengambil 52 jam kredit bagi mata pelajaran kategori pengetahuan khusus ini.

2. Mata pelajaran 6* jam kredit ini boleh dijadikan sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar TMT dua.

Jadual 8: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Seni dan Bakat (Pendidikan Seni/Pendidikan Muzik/Teknologi Maklumat)

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Pertama	
Kurikulum Dong Zong (elektif)	Seni dan Bakat ¹⁵	Pendidikan Seni	4		4		4		12
		Pendidikan Muzik	2		2		2		6
		Teknologi Maklumat dan Komputer	4		4		4		12

Catatan: 1. Pelajar semua aliran wajib mengambil 14 jam kredit bagi mata pelajaran kategori seni dan bakat (pendidikan seni/pendidikan muzik/teknologi maklumat).

2. Pelajar semua aliran wajib mengambil 10 jam kredit bagi mata pelajaran kategori seni dan bakat semasa di TMT satu.

¹⁴ Mencadangkan mata pelajaran dalam bidang Elektrik dan Elektronik digabungkan daripada 4 mata pelajaran kepada 2 mata pelajaran

¹⁵ Meningkatkan kemahiran artistik pelajar dan kesihatan rohani dan jasmani pelajar secara menyeluruh. Pelajar memiliki tubuh badan dan kehidupan yang sihat serta berkeupayaan menghadapi perubahan kehidupan masa depan yang berteknologi digital. Dari segi rohani, pelajar dapat menghayati keindahan pelbagai bahagian, dan bersikap inovatif, serta proaktif dalam kehidupan.

Jadual 9: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Seni dan Bakat (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan)

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Pertama	
Kurikulum Dong Zong (teras)	Seni dan Bakat	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	4		4		4		12

Catatan: 1. Pelajar semua aliran wajib mengambil 12 jam kredit bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Jadual 10: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Amalan Bersepadu

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Pertama	
Kurikulum Dong Zong (teras)	Amalan Bersepadu ¹⁶	Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Inkuiri	2		2		2		6
		Amalan Kemasyarakatan dan Khidmat Masyarakat	2		2		2		6
Kurikulum Berasaskan Sekolah(teras/elektif)		Kurikulum Berpandukan Sekolah	4		4		4		12
		Kokurikulum	4		4		4		12
Pendidikan Sekolah		Mesyuarat Kelas/Perhimpunan Mingguan							

Catatan: Pelajar semua aliran wajib mengambil 36 jam kredit bagi mata pelajaran kategori amalan bersepadu.

¹⁶ memupuk penganjuran aktiviti dan tugas dari konteks kehidupan serta menjadikan pelajar mengambil bahagian secara sukarela, semangat menerokai dan menggabungkan semua pengetahuan yang dipelajari untuk menemui semula potensi peribadi dan menggalakkan kemahiran insaniah

Jadual 11: Pengagihan Jam Kredit TMT Kategori Lanjutan dan Tambahan

Jenis	Kategori	Mata Pelajaran	Menengah Tinggi Satu		Menengah Tinggi Dua		Menengah Tinggi Tiga		Jumlah Kredit
			Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Kedua	Semester Pertama	Semester Pertama	
Kurikulum Dong Zong/ Kurikulum Berasaskan Sekolah(elektif)	Lanjutan dan Tambahan ¹⁷	Kesusasteraan Cina					4		4
		Genetik					4		4
		Bahasa Inggeris dalam Penggunaan Perniagaan					4		4
		Perisian Perakaunan					4		4

Catatan: Pihak sekolah boleh bekerjasama dengan pihak universiti untuk menawarkan mata pelajaran yang sesuai dan jam kredit bagi mata pelajaran tersebut boleh dipindah ke kursus di universiti tersebut atau mendapat sijil pengisytiharan. Pelajar semua aliran wajib mengambil 8 jam kredit bagi mata pelajaran kategori lanjutan dan tambahan.

¹⁷ Melanjutkan atau menambahkan kandungan pembelajaran bagi setiap mata pelajaran dan dipilih oleh pelajar mengikut minat masing-masing serta untuk memperkukuh kemahiran dan pengkhususan dalam mata pelajaran tersebut dan bersedia sedia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti dan juga dalam bidang kerjaya mereka pada masa depan.

Jadual 12: Pengagihan Jam Kredit TMT Secara Keseluruhan

	Menengah Tinggi Satu				Menengah Tinggi Dua				Menengah Tinggi Tiga			
	Sastera	Perdagangan	Sains	Teknikal	Sastera	Perdagangan	Sains	Teknikal	Sastera	Perdagangan	Sains	Teknikal
Pengetahuan Umum	44	44	48	44	44	44	48	44	32	32	32	32
Pengetahuan Khusus	4-8	8-14	12	12	6-16	12-22	20-30	20	6-16	12-22	24-36	20
Pengetahuan Khusus (Merentas Aliran) ¹⁸	4	4			4	4			4	4		
Seni dan Bakat	14				6-8				6-8			
Amalan Bersepadu	12				12				12			
Lanjutan dan Tambahan									8			
Jam Kredit Mata Pelajaran Teras untuk Setiap Tahun	78	82	86	82	72	78	86	82	68	74	82	78
Jam Kredit Mata Pelajaran Elektif untuk Setiap Tahun (Maksimum)	12	8	4	8	18	12	4	8	22	16	8	12
Waktu Pembelajaran Tetap untuk Seminggu	39	41	43	41	36	39	43	41	34	37	41	39
Waktu Pembelajaran Anjal untuk Seminggu	6	4	2	4	9	6	2	4	11	8	4	6

¹⁸ Pelajar aliran sastera dan aliran perdagangan wajib mengambil 4 jam kredit bagi mata pelajaran Sains.

Penerangan Struktur Kurikulum TMT:

1. Kategori Mata Pelajaran¹⁹



Gambar Rajah 4: Struktur Kurikulum TMT

a. Mata Pelajaran Pengetahuan Umum

Menerapkan penggunaan bahasa, pemikiran logik dan kesedaran sivik serta tujuan-tujuan untuk meningkatkan penguasaan dan pembelajaran pelajar. Kategori ini merangkumi lima mata pelajaran iaitu bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik (Matematik/Matematik Tambahan²⁰) dan Pengajian Am. Kelima-lima mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran teras; waktu pembelajaran bagi ketiga-tiga bahasa dan Matematik ialah masing-masing lima waktu seminggu, waktu pembelajaran Matematik Tambahan ialah tujuh waktu seminggu semasa di TMT satu dan TMT dua manakala lima waktu seminggu semasa di TMT tiga. Waktu pembelajaran bagi Pengajian Am (mata pelajaran baharu) ialah dua waktu seminggu, kandungan pembelajarannya merangkumi ajaran sivik dan moral, sains, sistem perundangan dan sebagainya.

b. Mata Pelajaran Pengetahuan Khusus

Membantu pelajar berkembang mengikut bakat dan minat masing-masing serta bersedia sedia untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dan kerjaya. Kategori ini merangkumi mata pelajaran bagi aliran sains, aliran sastera, aliran perdagangan dan aliran teknikal (termasuk mata pelajaran Elektrik dan Elektronik, Pendidikan Seni dan Reka Bentuk Grafik, Mekanikal Kereta, Pengurusan Makanan dan Minuman, Reka Bentuk Fesyen dan sebagainya). Dengan prinsip menanggungkan pemilihan aliran pembelajaran, pelajar boleh memilih empat mata pelajaran dalam kategori ini untuk mengenal pasti bakat dan minat mereka. Sekiranya pelajar sudah mengenal pasti minat mereka, mereka hanya perlu memilih sekurang-kurangnya dua mata pelajaran semasa di TMT satu. Pelajar memilih aliran yang

¹⁹ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 66-67.

²⁰ Pelajar aliran Sains hanya boleh mengambil Matematik Tambahan, tidak izin mengambil Matematik

mereka minat hanya semasa di TMT dua. Walau bagaimanapun, mata pelajaran dalam kategori ini boleh dijadikan sebagai mata pelajaran elektif bagi sesetengah pelajar dengan maksimum empat mata pelajaran. Sebagai contoh, pelajar aliran sains telah memilih dua mata pelajaran sains semasa di TMT dua, mereka boleh memilih satu atau dua mata pelajaran bagi aliran sastera atau perdagangan dengan syarat jumlah jam kredit tidak melebihi yang ditetapkan. Dalam struktur kurikulum yang baharu ini, kandungan pembelajaran mata pelajaran aliran teknikal perlu ditingkatkan secara peringkat sehingga mencapai taraf peperiksaan UEC peringkat Menengah Tinggi dan memanfaatkan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

c. Mata Pelajaran Seni dan Bakat

Meningkatkan kemahiran artistik pelajar dan pembinaan kesihatan rohani dan jasmani pelajar secara menyeluruh. Pelajar memiliki tubuh badan dan kehidupan yang sihat serta berkeupayaan menghadapi perubahan kehidupan masa depan yang berteknologi digital. Dari segi rohani, pelajar dapat menghayati keindahan pelbagai bahagian, dan bersikap inovatif serta proaktif dalam kehidupan. Kategori ini merangkumi Pendidikan Seni, Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Teknologi Maklumat dan Komputer. Keempat-empat mata pelajaran ini ialah mata pelajaran teras semasa di TMT satu, selepas itu hanya Pendidikan Jasmani dan Kesihatan ialah mata pelajaran teras manakala yang lain ialah mata pelajaran elektif.

d. Mata Pelajaran Amalan Bersepadu

Mendorong pelajar menjalankan aktiviti dan tugas berdasarkan situasi kehidupan mereka, menggalakkan pelajar menyertai aktiviti secara sukarela dan bersikap terbuka untuk mencuba sesuatu yang baharu, menggunakan pengetahuan yang dipelajari secara bersepadu untuk mencungkil potensi peribadi dan meningkatkan kemahiran lembut (*soft skills*) diri sendiri. Mata pelajaran dalam kategori ini termasuk Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Amalan Kemasyarakatan dan Khidmat Masyarakat, Kurikulum Berpanduan Sekolah, dan Kokurikulum. Kandungan kurikulum hendaklah berfokus kepada pempupukan keupayaan amalan bersepadu pelajar. Jumlah waktu bagi setiap tingkatan dalam kategori ini ialah 6 waktu seminggu.

e. Mata Pelajaran Lanjutan dan Tambahan

Melanjutkan atau menambahkan kandungan pembelajaran bagi setiap mata pelajaran dan dipilih oleh pelajar TMT tiga mengikut minat masing-masing dan juga bertujuan untuk memperkukuh kemahiran dan pengkhususan dalam mata pelajaran tersebut serta bersiap sedia untuk melanjutkan pengajian ke universiti dan juga dalam bidang kerjaya mereka pada masa depan. Contohnya Kesusasteraan Melayu boleh diadakan bagi mata pelajaran kategori Pengetahuan Umum, Perisian Perakaunan boleh diadakan bagi mata pelajaran kategori Pengetahuan Khusus dan Apresiasi Seni boleh diadakan bagi mata pelajaran kategori Seni dan Bakat. Pihak sekolah boleh menawarkan kurikulum dalam kategori ini berpanduan sekolah masing-masing selepas menyelaraskan dengan Dong Zong untuk menilai kurikulum yang ditawarkan itu. Pihak sekolah juga boleh bekerjasama dengan pihak universiti untuk menawarkan mata pelajaran yang sesuai dan jam kredit bagi mata pelajaran tersebut boleh dipindah ke kursus di universiti tersebut atau mendapat sijil pengisytiharan dari universiti itu. Mata pelajaran dalam kategori ini dapat memperkaya kurikulum di TMT tiga dan juga meningkatkan nilainya. Waktu pembelajaran dicadangkan 4 waktu bagi mata pelajaran kategori ini.

2. Reka Bentuk Kurikulum

- a. Sistem dan waktu pembelajaran: Tempoh persekolahan ditetapkan dalam Tiga tahun. Terdapat 52 minggu bagi setiap tahun persekolahan. Tempoh pembelajaran ialah 40 minggu setiap tahun, iaitu 20 minggu pada setiap semester. Setiap waktu pembelajaran ialah 40 minit. Tempoh pembelajaran secara berterus selama satu semester atau waktu pembelajaran memenuhi 20 waktu adalah satu jam kredit.
- b. Waktu pembelajaran untuk seminggu: Disyorkan tidak melebihi 45 waktu seminggu, setiap waktu 40 minit dan tidak melebihi 9 waktu pembelajaran bagi sehari demi melaksanakan sistem persekolahan 5 hari untuk seminggu.
- c. Kurikulum Dong Zong (teras): Kurikulum digubal oleh Dong Zong dan merupakan kurikulum yang wajib dipelajari.
- d. Kurikulum Dong Zong (elektif dan wajib): Kurikulum digubal oleh Dong Zong dan dipilih oleh pelajar mengikut aliran, sesetengah mata pelajaran adalah wajib bagi aliran yang tertentu.
- e. Kurikulum Dong Zong (elektif): Kurikulum digubal oleh Dong Zong, sekolah menawarkan kursus mengikut kesesuaian dan pelajar digalakkan memilih mengikut minat mereka.
- f. Kurikulum Berasaskan Sekolah (teras): Kurikulum digubal oleh SMPC masing-masing dan merupakan kurikulum yang wajib dipelajari.
- g. Kurikulum Berasaskan Sekolah (elektif): Kurikulum digubal oleh SMPC masing-masing, dipilih oleh pelajar mengikut minat mereka, pihak sekolah boleh menetapkan jam kredit yang harus dipelajari oleh pelajar.

3. Penilaian Kurikulum

- a. Sistem Pengiraan Jam Kredit: Pelajar yang memenuhi waktu pembelajaran yang ditetapkan dan lulus peperiksaan yang disediakan oleh sekolah akan memperoleh jam kredit yang ditetapkan.
- b. Jumlah Jam Kredit untuk Tamat Pengajian: 218 jam kredit bagi aliran sastera; 234 jam kredit bagi aliran perdagangan; 254 jam kredit bagi aliran sains, dan 242 jam kredit bagi aliran teknikal.
- c. Bagi pelajar yang gagal memperoleh jam kredit yang ditetapkan, pihak sekolah boleh mengadakan kelas prestasi untuk membantu mereka memperoleh jam kredit. Sekiranya pelajar masih gagal memperoleh jam kredit selepas mengikuti kelas prestasi tersebut, pihak sekolah boleh meluluskan pelajar melanjutkan pelajaran ke tingkatan yang seterusnya tetapi hendak mengulang mata pelajaran yang gagal itu. Bagi pelajar yang gagal banyak mata pelajaran, pihak sekolah boleh membenarkan pelajar tersebut mengulang tingkatan yang dipelajari, tetapi bagi mata pelajaran yang lulus boleh dikecualikan supaya pelajar dapat menumpukan pembelajaran bagi mata pelajaran yang gagal itu.

- d. Perkara 'c' tidak sesuai dilaksanakan di TMR tiga dan TMT tiga, maka pihak sekolah boleh memberikan sijil tamat pengajian berdasarkan prestasi pelajar dalam Peperiksaan UEC TMR atau TMT.
- e. Peperiksaan Bersama SMPC (UEC): Selain mata pelajaran Matematik menjalankan peperiksaan bersama sepenuhnya, mata pelajaran lain yang dalam kategori pengetahuan umum atau pengetahuan khusus boleh menjalankan penilaian berasaskan sekolah dan peperiksaan bersama dengan serentak mengikut peratusan yang ditetapkan (peratusan penilaian berasaskan sekolah tidak melebihi 20²¹ peratus) untuk menilai tahap pencapaian pelajar.
- f. Mengesyorkan mengkaji semula Peperiksaan UEC TMT iaitu membahagikan Peperiksaan UEC TMT kepada dua peringkat. Peringkat pertama, mata pelajaran dalam kategori pengetahuan umum (kecuali Matematik) berjalan Peperiksaan Bersama semasa di TMT dua. Hal ini dilakukan kerana pelajar boleh menumpukan perhatian bagi mata pelajaran kategori pengetahuan khusus semasa di TMT tiga (peringkat kedua) dan juga boleh mengurangkan tekanan pelajar. Bagi pelajar yang gagal semasa dalam peperiksaan pada peringkat pertama boleh mengulang mata pelajaran tersebut pada peringkat kedua selepas mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Peperiksaan Bersama.
- g. Penilaian Berasaskan Sekolah: Mata pelajaran bagi kategori Seni dan Bakat, Amalan Bersepadu dan Lanjutan dan Tambahan menjalankan Penilaian Berasaskan Sekolah.

²¹ Dong Zong, 2018, *Pelan Induk Pendidikan SMPC*. Kajang: Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, m/s 119.

7. Pelaksanaan

A. Penggabungjalinan Sistem

Sistem di sini merujuk kepada sistem pentadbiran kurikulum SMPC, termasuk intrasistem pentadbiran Dong Zong yang meliputi program latihan perguruan, penilaian dan peperiksaan serta sistem pentadbiran pihak sekolah, ahli lembaga pengelola dan lain-lain.

1. Penggabungjalinan Intrasistem Dong Zong

- Pihak pentadbiran sekolah yang berkenaan hendaklah menguasai kandungan Pelan Induk Pendidikan SMPC/Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC supaya jalinan dalaman yang baik dapat dicapai.
- Memperkenalkan program latihan perguruan yang selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC
- Kerjasama antara Bahagian Kurikulum Dong Zong dan Bahagian Peperiksaan Dong Zong harus dipererat supaya matlamat kurikulum dan literasi teras dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.
- Menjalankan perbincangan dan penyelarasan penilaian dan peperiksaan yang terkandung dalam cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC.

2. Penggabungjalinan Intersistem Dong Zong

- Dong Zong harus menghantar wakil ke SMPC untuk membimbing sekolah dalam pembentukan imej visi sekolah.
- Dong Zong harus menghantar wakil ke SMPC untuk membimbing sekolah dalam perkembangan kurikulum berasaskan sekolah.
- Dong Zong mengadakan platform perbincangan untuk membincang kaedah melaksanakan Pelan Induk Pendidikan SMPC/Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC.

3. Penggabungjalinan Sistem Sekolah

- Kerjasama antara setiap bahagian/jabatan dalam sekolah harus dipererat demi pelaksanaan pembaharuan kurikulum.
- Sekolah harus menggabungjalinkan dan memanfaatkan sumber komuniti dan masyarakat demi melaksanakan kurikulum berasaskan sekolah.
- Sekolah harus mahir mengorganisasi sumber tenaga mengajar, menitiberatkan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) guru, membuat persediaan pengajaran sesama guru dan meningkatkan kualiti pengajaran.

B. Sokongan Pembelajaran

Pembaharuan kurikulum atau pembaharuan pendidikan boleh dikatakan sama dengan pembaharuan masyarakat dan juga merupakan satu revolusi pembelajaran. Pembaharuan ini memerlukan tenaga kerja daripada semua peringkat supaya visi pembaharuan dapat dicapai.

1. Peringkat Dong Zong

- Mengadakan Seminar Penerangan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC dan Seminar Penerangan Standard Kurikulum setiap mata pelajaran.
- Membentuk Jawatankuasa Perancangan Kurikulum Berasaskan Sekolah, menetapkan dan melancarkan Panduan Perancangan Kurikulum Berasaskan Sekolah dan Panduan Pelaksanaan Kurikulum Berpandukan Sekolah.
- Mengadakan latihan dan seminar kepada pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru sekolah supaya konsep pembaharuan kurikulum dapat diterapkan.
- Menyempurnakan sistem bantuan sekolah berskala kecil dan membantu sekolah membangunkan kurikulum berasaskan sekolah.
- Mewujudkan platform pendidikan awan secara menyeluruh demi kegunaan pelajar dan memberi sokongan pengajaran dan pembelajaran kepada guru.
- Mencadangkan sumber dan peralatan pengajaran kepada sekolah.

2. Peringkat Sekolah

- Berdasarkan visi dan misi sekolah, melakarkan imej pemupukan bakat dan peta pembelajaran berdasarkan kurikulum berasaskan sekolah.
- Menjalankan latihan dan menitikberatkan kefahaman konsep kurikulum guru.
- Mengorganisasikan tenaga mengajar dan tenaga bukan mengajar dalam sekolah atau mempertingkatkan fungsi jabatan akademik sekolah supaya fungsi kepimpinan kurikulum dioptimumkan serta merancang dan membangunkan keunikan kurikulum sekolah.
- Memahami kebolehan dan keperluan pelajar, merancang model dan strategi pengajaran yang sesuai serta meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar.

3. Peringkat Ibu Bapa/Komuniti

- Mengundang ibu bapa atau alumni sekolah yang berprofesional untuk memberikan seminar kepada guru dan pelajar.
- Memberikan peluang berkomunikasi antara sekolah dengan ibu bapa seperti menganjurkan Hari Ibu Bapa supaya ibu bapa memahami arah tuju pelaksanaan pendidikan sekolah.
- Meningkatkan kefahaman pendidikan dalam kalangan ibu bapa supaya mendapat sokongan ibu bapa dalam pembaharuan pendidikan dan memberikan sokongan pembelajaran terhadap anak-anak mereka.
- Memberikan sokongan kewangan terhadap pembangunan sekolah.

C. Sekolah dan Komuniti

1. Konotasi: Manfaat antara SMPC dengan komuniti (ibu bapa, alumni dan masyarakat) adalah bersama, memanfaatkan sumber masyarakat dapat meningkatkan perisian dan perkakasan sekolah dan seterusnya juga dapat mengubah gaya dan budaya pembelajaran masyarakat.
2. Sokongan komuniti: termasuk sokongan sumber kewangan, pusat aktiviti atau sukan, dan pengetahuan yang profesional.
3. SMPC sebagai pusat pendidikan komuniti dari segi amalan, strategi dan sokongan:
 - Menawarkan penggunaan kemudahan sekolah seperti dewan, perpustakaan, stadium/gelanggang permainan kepada komuniti, membimbing pelajar sebagai pemandu pelancong sekolah, meningkatkan kemahiran komunikasi dan ekspresi pelajar.
 - Mengadakan pameran hasil kajian pelajar menengah rendah dan menengah tinggi dan mempelawa komuniti untuk menghadiri pameran tersebut.
 - Mengadakan aktiviti dengan kerjasama persatuan dalam komuniti atau NGO berdasarkan kursus khidmat masyarakat sekolah menengah rendah dan menengah tinggi
 - Menganjurkan Hari Sekolah supaya pembangunan perisian dan perkakasan sekolah dapat disertai oleh alumni.
 - Menawarkan kursus berpandukan sekolah dengan gabungan keunikan komuniti.
 - Menjadikan sebagai pusat pendidikan kepada komuniti seperti mengadakan kelas malam.

8. Lampiran

Isu-isu Penting

A. Pengiktirafan Antarabangsa Kurikulum SMPC

Matlamat utama kurikulum SMPC ialah pelajar mendapat pengiktirafan universiti di seluruh dunia dan melanjutkan pelajaran serta dapat mengejar impian mereka. Isu pengiktirafan Sijil UEC dan isu melanjutkan pelajaran sangat diambil perhatian oleh penggubal kurikulum SMPC.

- a. Kaedah menggabungkan kurikulum SMPC dengan kurikulum antarabangsa demi mencapai pengiktirafan antarabangsa.
- b. Kaedah kurikulum SMPC memberikan penerangan atau penjelasan terhadap setiap universiti yang terdapat permintaan dan standard kemasukan yang berbeza.
- c. Cabaran: terdapat sesetengah universiti memerlukan pengiktirafan oleh kerajaan tempatan terlebih dahulu sebelum mengiktiraf kurikulum SMPC.

B. Pembelajaran yang Perpusatkan Pelajar

Reka bentuk kurikulum yang baik hendaklah disokong oleh cara pelaksanaan dan kaedah guru mengajar dalam kelas supaya visi Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi dapat dicapai. Pendekatan dan aktiviti pembelajaran yang pelbagai perlu dikuasai oleh para guru demi mencapai objektif pembelajaran dengan sepenuhnya adalah satu isu yang perlu diambil berat oleh penggubal kurikulum. Berikut adalah beberapa pendekatan yang disenaraikan sebagai rujukan:

1. Pembelajaran Kolaboratif
2. Pembelajaran di luar kelas
3. Pembelajaran Berasaskan Tema
4. Pembelajaran Berasaskan Projek
5. Pembelajaran Berasaskan Inkuiri
6. Pembelajaran Berasaskan Situasi
7. Pembelajaran Berasaskan Permainan
8. Pembelajaran Berasaskan Multimedia
9. Pembelajaran Berasaskan Eksperimen
10. E-pembelajaran
11. Pembelajaran Kontekstual
12. Kelab Buku
13. Pengajaran Merentas Sekolah (seperti guru sebagai 'Cikgu YouTubers')
14. Pengajaran Kolaboratif (sistem dua guru, dua guru mengajar satu unit atau topik yang sama)

C. Pembahagian Waktu Pengajaran bagi Setiap Mata Pelajaran

Pendidikan SMPC dimulanya dengan adanya Peperiksaan UEC terlebih dahulu kemudian menjalankan kerja-kerja penyusunan dan penerbitan buku teks demi keperluan peperiksaan. Selain itu, guru setiap mata pelajaran sangat mementingkan waktu pengajaran mata pelajaran yang diajar sehingga mengabaikan soal pembangunan kurikulum secara menyeluruh. Semasa perbincangan pembangunan kurikulum yang berkonsep merentas mata pelajaran atau bidang dan mengintegrasikan mata pelajaran, keadaan ini telah menimbulkan cabaran yang besar terutamanya dalam soal pengagihan waktu pengajaran setiap mata pelajaran. Sehubungan dengan itu, semasa penggubalan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC, editor subjek dari Dong Zong telah mengemukakan pandangan berikut untuk menangani cabaran pengagihan waktu pengajaran.

1. Perbincangan kumpulan berdasarkan kategori mata pelajaran;
2. Merujukan sukatan pelajaran luar negara tentang pengagihan waktu pengajaran;
3. Mengenal pasti intipati dan sifat setiap mata pelajaran;
4. Perbincangan pengagihan waktu pengajaran berdasarkan kategori mata pelajaran dan peruntukan waktu yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC;
5. Pengagihan waktu pengajaran berdasarkan sifat mata pelajaran;
6. Pengagihan waktu pengajaran berdasarkan jenis aliran; dan
7. Pengurangan waktu pengajaran bagi mata pelajaran yang tertentu mungkin menimbulkan masalah penambahan jumlah kelas yang diajar oleh guru, oleh yang demikian Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC hendak mengatasi masalah tersebut demi menjamin kualiti pengajaran guru.